

***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. SS Prof Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman
(Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab
(Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Berdamai Dengan Takdir

15 November 2024M/ 13 Jamadilakhir 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي أَنْفُسِكُمْ إِلَّا فِي كِتَابٍ مِّنْ قَبْلِ أَنْ نَّبْرَأَهَا إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ ﴿٣٣﴾ سورة الحديد

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ النُّورُ الْهَادِي لِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحَابَتِهِ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقْوَاهُ، يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Pada hari yang penuh berkat ini, menjadi tanggungjawab saya untuk berpesan kepada diri saya dan sidang jemaah sekalian untuk sama-sama bertakwa kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan semaksimum takwa kerana dengan jalan takwa sahajalah menyebabkan ibadah kita sampai kepada Allah.

Sebelum melanjutkan bicara, suka khatib memberi peringatan. Marilah kita tinggalkan perkara lagha yang bertentangan dengan sunnah serta adab, iaitu tindakan yang memesongkan perhatian daripada mendengar khutbah dan isi kandungannya. Ini termasuklah perbuatan berbual-bual, tidur dengan sengaja dan bermain telefon bimbit. Dalam



khutbah hari ini, mari kita merenung nilai dan makna dari **Berdamai Dengan Takdir**, suatu sikap yang sangat penting dalam menjalani kehidupan ini.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Takdir merupakan garis hidup yang telah ditentukan oleh Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Berdamai dengan takdir adalah tindakan bijak yang mengajar kita untuk menerima segala ketentuan-Nya.

Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dengan kebijaksanaan-Nya yang tidak terbatas telah menentukan takdir bagi setiap makhluk-Nya. Sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Hadid ayat 22 yang bermaksud:

“Setiap bencana yang menimpa di bumi dan yang menimpa dirimu sendiri, semuanya telah tertulis dalam kitab (Luh al-Mahfuz) (أَلُوْحُ الْمَحْفُوْظِ) sebelum Kami mewujudkannya. Sungguh, yang demikian itu mudah bagi Allah.”

Berdamai dengan takdir bukan bererti kita pasif terhadap kehidupan atau menyerah tanpa usaha. Sebaliknya, ia adalah panggilan untuk tetap berusaha dan berikhtiar sebaik mungkin, dengan meyakini bahawa segala hasil akhir ada dalam pengetahuan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Suatu hari, Hasan al-Basri (**حَسَنُ الْبَصْرِي**) melihat seorang lelaki yang sangat menderita kerana kehilangan mata pencariannya. Beliau berasa sangat putus asa. Hasan al-Basri mendekatinya dan berkata,



“Wahai saudaraku, berdamailah dengan takdir Allah. Terkadang, Allah memberikan kebahagiaan melalui penderitaan dan terkadang Dia menguji kita dengan kebahagiaan itu sendiri.”

Kadangkala kehidupan yang keras dan cubaan yang berat adalah cara Allah untuk membersihkan dosa-dosa kita dan mendekatkan diri kepada-Nya. Oleh itu hendaklah kita tetap bersabar dan tetap bersyukur walaupun dalam kesulitan.

Pendekatan ulama' terhadap takdir ialah dengan menekankan tawakkal, sabar dan redha. Mereka memandang setiap ujian sebagai kesempatan untuk mendekatkan diri kepada Allah dan membersihkan jiwa. Pendekatan ini memainkan peranan penting dalam perjalanan spiritual dan menjadi sumber inspirasi bagi ramai orang yang mencari makna dalam setiap ujian hidup mereka.

Ketika kita menghadapi cubaan atau kejadian yang tidak sesuai dengan harapan, berdamai dengan takdir adalah melambangkan ketundukan dan kepercayaan kita kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Hal ini menzahirkan sikap sabar, bersyukur atas apa yang telah diberikan serta yakin bahawa setiap ujian memiliki hikmah dan tujuan yang mungkin belum kita fahami.

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Salah satu kisah yang mencerminkan penerimaan takdir dan sikap damai di dalamnya adalah kisah Nabi Allah Ayyub **عَلَيْهِ السَّلَامُ** diceritakan sebagai seorang nabi yang diuji dengan pelbagai ujian berat, termasuk penyakit yang parah, kehilangan harta benda, dan keluarganya.



Meskipun menghadapi cubaan yang sangat berat, Nabi Ayyub tetap sabar dan penuh kepercayaan kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Penyakit yang parah menimpa tubuhnya, membuatnya sangat lemah dan tertimpa penderitaan. Meskipun dalam keadaan sulit dan penuh kesakitan, Nabi Ayyub tetap bersabar dan tidak mengeluh kepada Allah. Dia tetap bertawakal kepada-Nya, tanpa hilang keyakinan sedikit pun.

Dalam keadaan penuh derita, Nabi Ayyub kekal bersujud dan bersyukur kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Kisah ini menunjukkan keteguhan hati dan penerimaan takdir yang luar biasa dari seorang nabi yang sangat dicintai oleh Allah. Meskipun diuji dengan ujian yang sangat berat, Nabi Ayyub **عَلَيْهِ السَّلَام** tetap bertahan dan berserah diri kepada kehendak Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam surah Ali Imran ayat 200:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٢٠٠﴾

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesusahan dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebajikan), dan kuatkanlah kesabaran kamu lebih daripada kesabaran musuh, di medan perjuangan, dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertakwalah kamu kepada Allah supaya, kamu berjaya (mencapai kemenangan).”*



SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI SEKALIAN,

Daripada khutbah yang disampaikan pada hari ini dapat disimpulkan empat seruan sebagaimana berikut:

Pertama: Marilah menjaga keikhlasan dalam segala amal perbuatan agar kita dapat meraih ketenangan hati dan kebahagiaan yang sejati.

Kedua: Marilah kita berlapang dada dengan kehidupan yang kita lalui.

Ketiga: Marilah kita meningkatkan rasa syukur atas segala nikmat, sabar dalam dalam menghadapi ujian, dan yakin bahawa setiap peristiwa adalah ketetapan dari rencana-Nya.

Keempat: Marilah kita jadikan berdamai dengan takdir sebagai asas ketenangan dalam kehidupan kita.

Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** berfirman melalui surah al-Baqarah ayat 216:

... وَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ

وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢١٦﴾

Maksudnya: “... dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah) Allah jualah yang mengetahui (semua itu), sedang kamu tidak mengetahuinya.”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهَدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.





Khutbah Kedua

2024M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلِهِ وَآحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَأْنِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينِ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.



اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ،
اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ
وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Khadijah Mohd Noor.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat Pulau Pinang dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf Pulau Pinang. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥٠﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ



يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤١﴾

